


# AGENDA 10.0:
# **PELUANG PENAMBAHBAIKAN**

**LAPORAN OLEH:**

**WAKIL PENGURUSAN UPM**

## AGENDA 10.0: LAPORAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN

**Laporan peluang penambahbaikan** ini direkodkan berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada **pemantauan proses produk/perkhidmatan, hasil laporan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM, maklumat daripada Perutusan Naib Canselor tahun 2018** dan sebagainya.

**Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)** → **3**

+

**Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS)** → **1**

# AGENDA 10.0: LAPORAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Cadangan Tarikh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Manual Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dipermudahkan dan dikenali sebagai Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat. Dokumen induk ini mempunyai maklumat ringkas berkaitan pelaksanaan ISMS di UPM antaranya Pengenalan, Sejarah Pelaksanaan, Dasar, Skop, Objektif, Pihak Berkepentingan dan Ekspektasi Mereka, Isu Dalaman dan Luaran, Pengurusan Risiko, Penyata Pemakaian (*Statement of Applicability (SoA))* dan Senarai *Standard Operating Procedure* (SOP) yang dirujuk. | Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat telah mula digunapakai bermula 16 Julai 2018. | Digunapakai bermula 16 Julai 2018 |  |

# AGENDA 10.0: LAPORAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Cadangan Tarikh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 2. | Penstrukturan semula Pasukan Peneraju Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi memastikan pelaksanaan ISMS dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Perubahan yang terlibat adalah:<br><br>i) Melantik Timbalan Wakil Pengurusan PTJ sebagai Ketua Pasukan yang baharu;<br>ii) Pewujudan jawatan Ketua Pasukan bagi setiap pasukan ISMS; dan<br>iii) Menggabungkan Struktur Penyelaras Penilaian Risiko dengan Struktur Penyelaras Penyata Pemakaian (*Statement of Applicability* (SoA)) ekoran berlaku pertindihan tanggungjawab antara kedua-duanya. | Penstrukturan semula dan pelantikan baharu kepada semua ahli jawatankuasa telah dilaksanakan bermula Mei 2018. | Dilaksanakan bermula Mei 2018 |  |

# MKSP

## AGENDA 10.0: LAPORAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Cadangan Tarikh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 3. | Cadangan supaya proses pemulihan aplikasi Sistem Maklumat Pelajar (eSMP) dipercepatkan. | Menambahbaik kaedah pelaksanaan pemulihan pangkalan data *backup.* | Dilaksanakan bermula Januari 2018 |  |

## AGENDA 10.0: LAPORAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN

| Bil | Keterangan Peluang Penambahbaikan (OFI) | Pelaksanaan Tindakan | Cadangan Tarikh Pelaksanaan | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 4. | Manual Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) dipermudahkan dan dikenali sebagai Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar. Dokumen induk ini mempunyai maklumat ringkas berkaitan pelaksanaan EMS di UPM antaranya Pengenalan, Sejarah Pelaksanaan, Dasar, Skop, Objektif, Pihak Berkepentingan dan Ekspektasi Mereka, Isu Dalaman dan Luaran, Pengurusan Risiko, Daftar Aspek Impak Alam Sekitar, Senarai Undang-undang Alam Sekitar, Kawalan Aktiviti yang Memberi Kesan kepada Alam Sekitar dan Senarai *Standard Operating Procedure* (SOP) yang dirujuk. | Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar telah mula digunapakai bermula 10 Julai 2018. | Digunapakai bermula 10 Julai 2018 |   |

## SYOR

**Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dimohon:**

mengambil maklum senarai peluang penambahbaikan yang telah dilaksanakan di UPM bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).

